112

ISU AIR UUM - INFRA UUM CUKUP

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 22 April 2011 15:45

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

22 APRIL 2011/18 JAMADILAWAL 1432H

==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

ISU AIR UUM – INFRA UUM CUKUP

UUM ONLINE: UUM menolak dakwaan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Negeri Kedah, Datuk Ir. Phahrolrazi Zawawi yang mengatakan masalah bekalan air yang dihadapi oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) pada masa kini kerana kebocoran akibat paip lama yang tidak diselenggara.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, Prof. Dr. Abdul Razak Saleh berkata demikian semasa diminta mengulas tentang berita yang dimuatkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Sinar Harian hari ini.

Beliau berkata, masalah sebenar yang dihadapi ialah air yang dibekalkan oleh Syarikat Air Darul Aman Berhad (SADA) yang merupakan anak syarikat milik Kerajaan Negeri Kedah adalah tidak mencukupi.

Jelasnya, UUM telah menyiapkan infrastruktur yang lengkap dan mencukupi dan kemudahan ini sentiasa diselenggara dengan baik. Di samping itu, semua bangunan baru di UUM turut menyediakan tangki air yang mencukupi untuk menampung kapisiti air yang diperlukan oleh warga kampus.

"Namun apa yang berlaku, tangki-tangki yang disediakan di setiap bangunan dalam kampus tidak dapat menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan warga kampus kerana sering terputus bekalan air," katanya.

Dr. Abdul Razak juga berkata, dakwaan berlaku kebocoran bekalan air sebanyak 43 peratus amat tidak berasas dan sangat tidak tepat kerana semua saluran paip di dalam kampus UUM sentiasa diselenggara dengan baik.

"Jika ada pun kebocoran, kadar kebocoran itu adalah amat minima dan normal selaras kadar yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)," katanya.

Beliau berkata, dalam hal ini, pada tahun 1998, UUM telah membuat penambahbaikan sistem infrastruktur bekalan air dengan menambah bilangan pam di rumah pam sedia ada daripada tiga unit menjadi empat unit yang melibatkan kos RM250 ribu.

"UUM juga telah membelanjakan RM220 ribu untuk kerja-kerja menaiktaraf bekalan air di dalam universiti pada tahun 2007, manakala pada tahun 2009 dan 2010 sejumlah RM165 ribu telah diperuntukan bagi membaiki kebocoran paip di dalam universiti ini di samping memasang *ground tank* dan *booster pump* dengan kos berjumlah RM627 ribu," katanya.

Beliau berkata, masalah ini timbul kerana pihak SADA tidak menambah kapasiti pengeluaran air selaras dengan pembangunan kawasan pertumbuhan baru di kawasan sekitar Jitra, Changlun dan Bukit Kayu Hitam yang menggunakan sumber air yang sama iaitu dari Loji Pelubang dekat Jitra.

Loji Pelubang mula membekalkan air dengan pengeluaran maksimum 15 juta liter sehari bermula 1990. Kapisiti pengeluaran ini tidak pernah ditingkatkan sehingga hari ini. Bekalan air dari loji yang sama juga digunakan untuk membekalkan air ke kawasan pertumbuhan baru di kawasan sekitar. Keadaan ini menyebabkan kuantiti air yang dibekalkan kepada UUM menurun kepada 10 juta liter sehari sahaja sedangkan UUM memerlukan bekalan air sebanyak 12.5 juta liter sehari.

Dr Abdul Razak juga berkata jika berlaku kebocoran pun, kemungkinan kebocoran itu berlaku di saluran paip di luar kampus yang bukan merupakan tanggungjawab UUM.

Tambah beliau, UUM sentiasa merancang dan membina serta menyenggara kemudahan bekalan air dalam kampus selaras dengan keperluaan warga Universiti ini.

"Walaupun kemudahan infra ini berada dalam keadaan baik, disebabkan bekalan air yang tidak mencukupi, maka itu yang menjadi masalah," katanya.